


Book Review



“ZERO HUTANG Bukan mudah tapi tak mustahil” - Mohd Zulkifli Shafie

ISBN: 9789830975481

Penerbit : Galeri Ilmu

No. Panggilan : HG179.Z85 2015

Buku ini sesuai untuk dibaca dan dijadikan rujukan sama ada graduan baharu atau graduan yang telah lama bekerja. Bukan terhad kepada graduan sahaja! Orang awam juga sesuai kerana bahasa yang mudah dan tidak menggunakan istilah ekonomi.

Buku ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Mengurus Simpanan; Motivasi Kewangan; Pengurusan Hutang dan Strategi Kekayaan.

3 kelebihan buku ini pada pandangan saya adalah:

- i. mengutarakan pelbagai cara dan kaedah untuk menjana pendapatan seperti pelaburan hartanah, pelaburan emas dan pelaburan di Tabung Haji.
- ii. menekankan **bukan** sebanyak mana pendapatan tetapi berapa banyak yang mampu disimpan.
- iii. elakkan gaya hidup berhutang dan bebaskan diri dari hutang.

Penulisan sangat menyeluruh dan boleh dijadikan asas dalam mengurus kewangan keluarga. Setiap cara yang dinyatakan secara ringkas dan sekiranya pembaca ingin menggunakan cara tersebut perlu bahan bacaan tambahan dan ilmu yang berasingan. Pembaca boleh menggunakan kaedah yang disarankan tetapi mestilah sanggup mengorbankan nafsu membeli belah, nafsu ikut pandangan masyarakat dan nafsu 'biar berhutang asal bergaya'.

Hadiahkan buku ini untuk pasangan anda atau pelajar anda. Insha Allah sangat bermanfaat.

Ringkasan buku oleh: SITI AISHAH GHANI